

# *Bagaimana Membaca Majalah Secara Santai?*

WAN ZUMUSNI WAN MUSTAPHA

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban


Terdapat pelbagai cara untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar selain menggunakan buku teks dalam talian dan tutorial kelas sepanjang semester. APB UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan satu ceramah "Fun and Cool Ways to Read Reader's Digest Magazines" yang dihadiri oleh para pelajar dan pensyarah APB UiTM Cawangan Johor pada hari Ahad, bersamaan 3 Januari 2021, jam 12.00 tengahari sehingga 1.00 petang.

Majalah Reader's Digest bukanlah asing dalam kalangan para pensyarah dan pelajar UiTM Johor. Ada di antara mereka yang biasa membaca dan melanggan majalah tersebut. Majalah yang wujud semenjak tahun 1922 terdapat dalam beberapa bahasa dan mencakupi pelbagai topik menarik seperti kesihatan, cerita inspirasi dan motivasi dan berbagai jenis lawak jenaka. Dr Wan Zumusni Wan Mustapha, selaku jurucakap Reader's Digest Asia Pacific semenjak tahun 2016 menyeru para peserta untuk membaca majalah tersebut secara santai samada untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mahupun menikmati pelbagai artikel yang menarik di dalamnya.

Sebagai pensyarah yang pernah mengajar subjek "Critical Academic Reading" dan "Academic Writing" menggunakan majalah tersebut, Dr Wan Zumusni juga mendedahkan para peserta dengan laman web Reader's Digest di mana mereka boleh memuat turun lembaran kerja bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris masing-masing. Di akhir program, para pelajar digalakkan berkongsi segala maklumat yang dipelajari di platform media sosial mereka. Dua pemenang bertuah telah dipilih untuk memenangi hadiah dari Reader's Digest Asia Pacific, iaitu Richmon dan Syazwani.



# Bagaimana Membaca Majalah Secara Santai?



Reader's Digest  
Worksheet

'A DOG LIKE NO OTHER'  
JANUARY 2021 READER'S DIGEST  
EARLY BEGINNER

Read the article found on pages 54-60 to answer the following questions.

RD TALKS [www.rdasia.com/podcasts/heart/a-dog-like-no-other](http://www.rdasia.com/podcasts/heart/a-dog-like-no-other)

- Which person in Santos' family was 13 at the beginning of the article?  
Circle the correct answer.  
a. Diego  
b. Dorothy  
c. Santos  
d. Rafael
- How far had Santos and his family travelled by the time they arrived at the Denton Bridge?  
Circle the correct answer.  
a. 1400 kilometres  
b. 200 kilometres  
c. 1600 kilometres  
d. 100 kilometres
- Which of these words from the article are spelt incorrectly?  
Circle the incorrectly spelt words

